

30/12/1999

Malaysia terus bela negara Dunia Ketiga

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia akan terus memperjuangkan hak negara membangun dan membela negara Dunia Ketiga dalam menghadapi globalisasi pada alaf baru, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata, pada abad ke-21 Malaysia juga akan mengetengahkan dasar luar secara lebih tegas berhubung kepentingan negara dari segi strategik, keselamatan, politik dan ekonomi.

"Dalam keadaan dunia yang dianggap sebagai satu perkampungan besar pada era globalisasi, kita tidak dapat keluar daripada proses ini. Jadi, kita mesti kukuh dari segi ekonomi.

"Negara kita mesti stabil dan aman. Kita juga berharap, pemulihan ekonomi dan kestabilan selain pembabitan kita menerusi Asean membolehkan suara kita bukan saja didengar tetapi menjadi suara pengaruh yang memberi kebaikan pada abad baru," katanya di sini.

Beliau juga menggariskan cabaran utama dasar luar Malaysia termasuk konflik Chechnya-Russia; hubungan Kuala Lumpur-Timor Timur; pergolakan di Aceh; keberkesanan kerjasama di antara negara anggota Asean; mempertahankan hak Palestin dan hal ehwal Timur Tengah; menyekat campur tangan asing dalam hal ehwal dalam negara serta membendung propaganda luar dan dalaman yang boleh menjejaskan Malaysia.

Oleh itu, katanya, dasar luar Malaysia juga adalah lanjutan daripada dasar dalam negara.

Dalam isu Chechnya, Syed Hamid berkata, Malaysia tidak bersetuju dengan cara Russia menggunakan ketenteraan bagi menamatkan hasrat wilayah itu untuk menikmati kemerdekaan.

"Russia menganggap kenyataan kita seolah-olah cuba mencampuri hal dalamnya tetapi kita kata tidak. Cuma, kita mahu ia diselesaikan mengikut saluran politik.

"Kalau tidak suarakan, kita gagal dalam mempertahankan hak dan kepentingan rakyat Chechnya yang menghadapi tekanan begitu dahsyat," katanya.

Mengenai Timor Timur, beliau gembira kerana pemimpinnya mula mengubah sikap terhadap Malaysia yang sebelum ini dituduh pihak tertentu bahawa ia tidak bersimpati dengan perjuangan penduduk wilayah itu.

Syed Hamid turut gembira dengan perjuangan Malaysia merealisasikan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang diilhamkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengulas pertemuannya dengan Menteri Luar Israel, David Levy, di New York, pada luar sidang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), beliau mengulangi kenyataannya bahawa pertemuan itu memberi peluang kepada Malaysia menyatakan sokongannya kepada hak Palestin.

(END)